

13/10/2001

Bangsa Arab perlu beralih tempat melancong

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, mengajak umat Islam melawat negara Islam lain untuk mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan mereka. Tindakan itu, selain memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi di negara berkenaan, akan membolehkan umat Islam mempelajari dan lebih memahami mengenai umat Islam berlainan bangsa. Ucapan Perdana Menteri, ketika merasmikan Mesyuarat Menteri Pelancongan Pertubuhan Persidangan Islam kali kedua di Kuala Lumpur itu, perlu dilihat dari perspektif lebih luas, lebih-lebih lagi dalam keadaan dan cabaran kepada dunia Islam sekarang. Ia tidak sekadar untuk mengukuhkan kegiatan ekonomi negara Islam, malah lebih penting melalui cara itu umat Islam dari seluruh dunia dapat mengenali dengan lebih dekat antara satu sama lain. Dengan cara itu, negara Islam akan dapat bekerjasama dengan lebih erat lagi, di samping membantu melindungi kepentingan mereka bersama dalam dunia yang semakin mencabar ini.

Saranan Dr Mahathir itu sepatutnya membuka mata rakyat dan pemerintah di rantau Arab yang selama ini lebih tertumpu ke Amerika Syarikat dan Eropah untuk melabur dan menyimpan wang mereka. Begitu juga dengan rakyat rantau Arab yang lebih suka melancong dan berbelanja besar di Amerika dan Eropah. Kini segalanya berubah selepas serangan berani mati yang dikaitkan dengan orang Islam yang menyebabkan kemusnahan Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan sebahagian Pentagon di Washington, 11 September lalu.

Negara Barat yang sejak dulu mengaitkan Islam dengan keganasan kini secara meluas dan berterusan melabelkan umat Islam sebagai pengganas dan perlu dicurigai. Mereka mengesyaki dan mahukan rakyatnya berwaspada terhadap umat Islam. Barat dan Eropah kini prejudis kepada setiap umat dan negara Islam. Kehadiran orang Arab tidak lagi disenangi di banyak negara Barat. Malah, ada rakyat Amerika yang tidak mahu menaiki kapal terbang yang membawa warga Arab. Mereka harus insaf dengan keadaan ini. Umat Islam, terutama dari rantau Arab perlu menyedari bahawa kedatangan mereka bukan saja tidak lagi dialu-alukan, malah tidak disenangi sesetengah masyarakat Barat.

Bukan itu saja, ada pula pihak di Amerika tidak pun mahu menerima bantuan daripada umat Islam kerana tidak menyokong perjuangan atau dasar mereka. Sikap sombong dan angkuh ini jelas apabila Datuk Bandar New York, Rudolf Giuliani menolak derma AS\$10 juta (RM38 juta) untuk mangsa serangan WTC daripada Putera Al-Walid bin Talal, ahli perniagaan dan keluarga diraja Arab Saudi. Alasannya hanyalah kerana Putera Arab Saudi itu menyeru Amerika mengkaji semula dasarnya di Timur Tengah dan bersikap lebih seimbang terhadap perjuangan Palestin.

Putera Al-Walid anak saudara Raja Fahd dalam satu kenyataan selepas menyerahkan sekeping cek kepada Giuliani di samping mengutuk keganasan telah menyebut bagaimana rakyat Palestin terus menerus dikejami dan dibunuh oleh regim Israel tetapi dunia tidak pun mengendahnya. Beliau bukan meminta Amerika menukar dasarnya terhadap Palestin, hanya menyeru ia bersikap lebih adil dan tidak terlalu menyebelahi Israel. Ini pun tidak dapat mereka terima. Tindakan itu menunjukkan betapa kuatnya lobi Israel sehingga sanggup menolak bantuan itu.

Jika begini pandangan, pendirian dan sikap Amerika terhadap umat Islam, apakah rakyat dan negara Islam, terutama Arab mahu terus belabur dan berkunjung ke Amerika? Umat dan negara Islam, terutama yang kaya perlu membuka mata dan insaf. Mereka kini perlu beralih kepada negara sesama

Islam yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka untuk belabur, melancong dan berbelanja. Sudah tiba masanya bagi rakyat Arab mengalih pandangan ke negara Islam sendiri, termasuk Malaysia yang aman damai serta selamat untuk dikunjungi.

(END)